



## Berbakti Kepada Ibu Bapa

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ قَالَ، سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ؟ قَالَ: الصَّلَاةُ لِوَقْتِهَا، قَالَ: قُلْتُ تُمَّمْ أَيْ؟ قَالَ: بِرُّ الْوَالِدَيْنِ، قَالَ: قُلْتُ تُمَّمْ أَيْ؟ قَالَ: أَجْهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ..

Daripada Abdullah bin Mas'ud berkata:

“Aku bertanya kepada Rasulullah SAW tentang amalan yang manakah paling utama?”  
Baginda menjawab: “Solat pada waktunya.” Kemudian aku bertanya lagi: “Apakah amalan yang seterusnya?”  
Jawab Baginda: “Berbakti kepada kedua-dua ibu bapa.” Kemudian aku bertanya: “Apakah lagi seterusnya?”  
Jawab Baginda: “Berjihad di jalan Allah.”

(Hadis Riwayat Muslim, no. 137)

<https://muftinegeri.sarawak.gov.my> +60 82-507500

## Berbakti Kepada Ibu Bapa

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ، قَالَ: سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ؟ قَالَ: الصَّلَاةُ لِوَقْتِهَا، قَالَ: قُلْتُ تُمَّمْ أَيْ؟ قَالَ: بِرُّ الْوَالِدَيْنِ، قَالَ: قُلْتُ تُمَّامْ أَيْ؟ قَالَ: أَجْهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

Daripada Abdullah bin Mas'ud berkata: “Aku bertanya kepada Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam tentang amalan yang manakah paling utama?” Baginda menjawab: “Solat pada waktunya.” Kemudian aku bertanya lagi: “Apakah amalan yang seterusnya?” Jawab Baginda: “Berbakti kepada kedua-dua ibu bapa.” Kemudian aku bertanya: “Apakah yang seterusnya?” Jawab Baginda: “Berjihad di jalan Allah.”

(Hadis Riwayat Muslim, no. 137)

Adalah menjadi kewajipan bagi setiap anak untuk mentaati orang tuanya dan tidak menderhakai mereka sama sekali selagi mana perintah mereka itu tidak terkeluar dari landasan syariat islam. Tuntutan berbakti dan berbuat baik kepada ibu bapa banyak sekali disebutkan oleh Allah Subhanahu wata’ala di dalam al-Quran dan juga warid (datang) dalam hadis Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam.

Didalam surah al-Isra' ayat 23-24 Allah Subhanahu wata'ala berfirman:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنًاٌ إِمَّا يَتَلَقَّنَ عِنْدَكُمُ الْكِبَرَ أَحْدُهُمَا أَوْ كِلَّاهُمَا فَلَا تُنْهِلُهُمَا أَفْٰ  
وَلَا تَنْهَرُهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ۚ ۲۳ وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الْذُلِّ مِنَ الْرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ أَرْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيْتَهُمْ  
صَغِيرِ

٢٤

Maksudnya: *Dan Tuhan kamu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapamu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang antara keduanya atau kedua-duanya sampai berusia lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan (sebarang perkataan kasar) kepada keduaduanya sekalipun perkataan ‘hah’, dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun). Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua dengan penuh kerendahan diri dan ucapkanlah (untuk mereka dengan berkata), “Wahai Tuhanku, kasihanilah mereka berdua sebagaimana mereka telah mendidik aku semasa kecil!”*

#### **Maksud berbakti kepada orang tua (Birru al-Walidain)**

Ibn al-Athir telah menyebut definisi bagi berbakti dan derhaka dalam Bahasa yang sangat mudah iaitu:

Berbakti dari segi istilah membawa maksud berbuat baik, melakukan ketaatan kepada orang tua dan berlemah lembut kepada mereka. Manakala maksud derhaka pula ialah berbuat jahat dan meninggalkan hak-hak ke atas kedua-dua ibu bapanya. Oleh itu, beliau mengungkapkan makna berbakti kepada orang tua ialah berbuat baik kepada mereka sama ada melalui hati, ucapan, dan perbuatan sebagai mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu wata'ala. Manakala maksud derhaka terhadap orang tua pula ialah membenci dan meninggalkan untuk berbuat baik terhadap mereka. Terdapat juga pendapat menyebut bahawa apa-apa perbuatan yang menyakiti kedua-dua ibu bapa sama ada dari ucapan ataupun perbuatan. Oleh itu, berbakti kepada kedua-dua ibu bapa di antara ketaatan yang paling besar selepas ketaatan kepada Allah dan Rasul. Adapun menderhakai mereka termasuk di antara dosa-dosa besar dan kesalahan yang paling hina.

Terdapat beberapa kelebihan berbakti kepada orang tua:

**1) Doa ibubapa yang mustajab**

*Daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhу berkata: Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Tiga doa yang mustajab (diterima) oleh Allah yang tiada keraguan sama sekali: doa orang tua, doa musafir, doa orang yang dizalimi.*

(Hadis Riwayat Abu Daud, no. 1536)

**2) Jaminan masuk syurga**

*Daripada Mu'awiyah bin Juhamah Radhiallahu 'anhuma bahwasanya Juhamah telah datang kepada Nabi Sallallahu alaihi wasallam dan berkata: Wahai Rasulullah! Aku ingin mengikuti peperangan dan aku datang untuk meminta pendapat darimu. Maka Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bertanya: Adakah kedua-dua ibu bapamu masih ada? Aku menjawab: Ya. Baginda bersabda: Lazimlah bersama mereka kerana syurga di bawah kaki kedua-dua orang tuamu.*

(Hadis Riwayat at-Tabarani, no. 2202)

**3) Mendapat keredhaan Allah Subhanahu wata'ala**

*Daripada Abdullah bin Umar Radhiallahu 'anhuma dari Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Ridha Allah pada ridha kedua-dua orang tua dan kemurkaan Allah pada kemurkaan kedua-dua orang tua.*

(Hadis Riwayat at-Tirmizi, no. 1899)

**4) Lebih utama daripada berjihad**

*Daripada Abdullah bin Umar Radhiallahu 'anhuma berkata: Telah datang seorang lelaki kepada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam berkata: Aku ingin berbai'ah denganmu untuk berhijrah dan berjihad, aku ingin mendapat pahala (jihad) daripada Allah. Maka Nabi bertanya: Adakah salah seorang daripada orang tuamu masih hidup? Dia menjawab: Ya, bahkan kedua-duanya masih hidup. Baginda bertanya lagi: Engkau ingin mendapat pahala (jihad) daripada Allah? dia menjawab: Ya. Baginda bersabda lagi: pulanglah kepangkuan orang tuamu, berbuat baiklah dalam menemani mereka.*

(Hadis Riwayat Muslim, no. 2549)

Bentuk-bentuk kebaktian kepada orang tua:

**1) Menggembirakan kedua-dua orang tua**

*Daripada Abdullah bin 'Amr Radhiallahu 'anhuma berkata: telah datang seorang lelaki kepada Nabi Sallallahu 'alaihisalam seraya berkata: Aku datang berbai'ah denganmu untuk berhijrah dan meninggalkan kedua-dua orang tuaku membuatkan mereka menangis. Maka Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam berkata: pulang ke pangkuan orang tuamu buatkan mereka gembira sebagaimana engkau telah membuat mereka menangis.*

(Hadis Riwayat Abu Daud, no. 2528)

**2) Mengeratkan silaturahim dengan sahabat dekat orang tuanya**

Sentiasa menjalinkan hubungan yang baik kepada kawan-kawan terdekat orang tuanya sebagaimana dalam Riwayat Sahih Muslim:

*...Sesungguhnya sebaik-baik kebajikan adalah ketika seseorang menjalin hubungan baik dengan keluarga sahabat karib ayahnya...*

(Hadis Riwayat Muslim, no. 2552)

Ancaman anak yang derhaka:

**1) Haram mendapat syurga**

*Daripada Abdullah bin Umar Radhiallahu 'anhuma bahwasanya Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Tiga golongan yang diharamkan oleh Allah daripada memasuki syurga iaitu penagih arak, anak yang derhaka dan orang yang dayus iaitu yang membiarkan kejahatan berlaku dalam keluarganya.*

(Hadis Riwayat Ahmad, no.5349)

**2) Tidak mendapat pandangan (rahmat) Allah di hari kiamat**

*Daripada Abdullah bin Umar Radhiallahu 'anhuma berkata: Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Tiga golongan tidak mendapat pandangan Allah pada hari kiamat: Anak derhaka terhadap kedua-dua orang tuanya, wanita berperwatakan lelaki, dan dayus iaitu yang membiarkan kejahatan berlaku dalam keluarganya...*

(Hadis Riwayat Ahmad, no. 6113)

### 3) Termasuk dalam dosa-dosa besar

Maksudnya: “Mahukah aku khabarkan kepada kamu semua mengenai dosa yang paling besar?” Kami menjawab: “Sudah tentu wahai Rasulullah.” Baginda mengulanginya sebanyak tiga kali: “Menyekutukan Allah dan menderhakai terhadap kedua-dua ibu bapa....”

(Hadis Riwayat Bukhari, no. 5976)

Tugas anak yang berbakti:

#### 1) Memohon keampunan untuk orang tuanya

Daripada Abu Hurairah Radhiallahu ‘anhu berkata bahawa Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya Allah akan mengangkat darjat seorang hamba yang salih di syurga, hamba itu kemudian berkata: “wahai Tuhanku, dari mana aku dapat semua ini? Maka Allah berfirman: “Dari Istighfar anakmu.”

(Hadis Riwayat Ahmad, no. 10610)

#### 2) Sentiasa berdoa untuk mereka sama ada masih hidup atau meninggal dunia

Daripada Abu Hurairah Radhiallahu ‘anhu bahawa Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: “apabila mati seseorang, terputus semua amalan kecuali tiga perkara: Sedekah jariyah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakannya.”

(Hadis Riwayat Muslim, no.1631)

#### 3) Melunaskan hutang dan nazar mereka

Termasuk kewajipan sebagai anak adalah membantu untuk melunaskan hutang orang tuanya yang sudah meninggal dunia, lebih-lebih lagi hutang tersebut merupakan hak bagi Allah Subhanahu wata’ala seperti ibadat puasa, nazar dan kaffarah.

Daripada Abu Hurairah Radhiallahu ‘anhu bahwasanya Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: “Jiwa orang mukmin tergantung dengan hutangnya sehingga dilunaskan hutang baginya.”

(Hadis Riwayat at-Tirmizi, no.1078)

*Daripada Ibn Abbas Radhiyallahu ‘anhuma bahawa seorang wanita telah bernazar untuk berpuasa sebulan, tetapi belum melaksanakannya sehingga dia meninggal dunia. Maka datang seorang keluarganya sama ada kakaknya atau anak perempuannya kepada Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam dan menceritakan perkara tersebut kepadanya. Lalu Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bertanya: menurutmu, sekiranya ibumu mempunyai hutang adakah kamu akan membayarnya? Wanita tersebut menjawab: Ya. Baginda besabda lagi: Maka hutang Allah lebih berhak untuk dilunaskan.*

(Hadis Riwayat Muslim, no. 1148)

Sebagai seorang anak mesti mengambil tanggungjawab untuk menjadi anak yang salih dan berbakti kepada orang tuanya apatah lagi ketika waktu mereka masih hidup. Ketahuilah bahawa kebaktian itu tidak akan terputus walaupun mereka sudah meninggal dunia. Apa yang dinyatakan di atas hanyalah sebahagian untuk dikongsikan kepada pembaca agar kita serba sedikit dapat memperbaiki cara kita melayani, merawat, menemani dan menjaga kedua-dua orang tua kita supaya dapat mengelakkan kita mendapat kemurkaan daripada Allah Subhanahu wata’ala. Oleh itu, hargailah orang tua kita selagi masih hidup kerana mereka adalah asbab kelahiran kita di muka bumi Allah Subhanahu wata’ala. Wallahu ‘alam.

